

Pelaku sumbang mahram wajar dihukum berat — PM

UM 15 APR 2002

BANGI 14 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hukuman lebih berat memang wajar dikenakan terhadap pelaku sumbang mahram berikutan perbuatan terkutuk itu didapati semakin meningkat di negara ini.

Menurut beliau, perbuatan tersebut sepatutnya tidak berlaku jika masyarakat Malaysia dididik dengan perasaan malu untuk melakukan kejahatan seumpama itu.

Ekoran kurangnya perasaan tersebut kata beliau, terdapat individu yang berani melakukan perbuatan itu termasuk orang Melayu yang beragama Islam.

“Kalau ikut kehendak saya, kita bawa saja dia (pelaku sumbang mahram) ke khalayak ramai dan ditibai (dirotan),” katanya sambil menerima tepukan gemuruh daripada lebih 1,000 ahli Puteri UMNO yang menghadiri Majlis Penutup Kursus Perdana Generasi Wanita Prihatin di Universiti Tenaga Nasional di sini.

Dr. Mahathir berkata demikian sewaktu berucap menutup kursus selama lima hari itu yang turut

dihadiri oleh Pengerusi Tenaga Nasional Berhad, Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis dan Ketua Penaja Puteri UMNO, Azalina Datuk Othman Said.

Perdana Menteri seterusnya berkata, beliau memang setuju supaya hukuman berat dikenakan ke atas mereka yang melakukan perbuatan tersebut sebagai salah satu cara untuk membendung masalah tersebut daripada terus berleluasa.

Bagaimanapun, katanya, hukuman berat belum tentu dapat membendung sepenuhnya gejala buruk itu daripada berleluasa dalam masyarakat negara ini.

Ini kerana jelas beliau, anggota masyarakat yang tergamak melakukan perbuatan keji itu biasanya terdorong berbuat demikian kerana gagal mengawal nafsu dan tidak mempunyai perasan malu jika didu h melakukannya.

Menurut Perdana Menteri, beliau juga tidak hairan jika ramai orang Melayu terbabit dalam gejala itu kerana ada di kalangan mereka yang sukar untuk mengawal nafsu apabila melihat wanita.

Sebagai contoh, kata Dr. Mahathir, kejadian rogol yang berlaku bukan sahaja melibatkan mangsa yang berpakaian seksi seperti skirt tetapi juga mereka yang berpakaian sopan.

Malah, ujar beliau, ada individu yang nampak warak di depan khalayak ramai, namun secara diam-diam turut melakukan perbuatan sumbang gara-gara sukar mengawal nafsunya.

● Pelajar mangsa terbaru sumbang mahram di Kelantan — Muka 5

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, mempunyai perasaan malu yang menebal pada setiap individu untuk melakukan perbuatan keji merupakan elemen penting yang dapat membendung pelbagai masalah sosial dalam masyarakat.

“Kalau ada perasaan malu kita dengan mudah dapat mengawal nafsu kita.

“Seoatutnya kita didik anak-anak kita supaya malu untuk melakukan perbuatan jahat, buruk dan keji sejak kecil lagi,” katanya.

Tambah Dr. Mahathir, kini perasaan sedemikian tidak ketara dalam masyarakat sehingga banyak gejala sosial selepas penyalahgunaan dadah terus berlaku.

“Bahkan mereka yang gagal peperiksaan pun tidak ada rasa malu langsung,” katanya sambil memberitahu, rakyat Jepun adalah contoh masyarakat yang masih menebal dengan perasaan itu sehingga sanggup membunuh diri bagi menebus kesalahan yang dilakukan mereka.

Kata Perdana Menteri, ramai juga anggota masyarakat yang gagal untuk menerap pelbagai sifat mulia dalam dirinya sehingga sukar mengecapi pelbagai kejayaan dalam hidup.

Justeru, beliau berharap golongan wanita terutama, generasi muda akan memainkan peranan lebih aktif untuk menerapkan sebanyak mungkin nilai mulia di kalangan ahli keluarga mereka supaya rakyat negara ini menjadi kuat dan boleh mencapai kejayaan seperti bangsa-bangsa maju yang lain.

Pelaku sumbang mahram wajar dihukum berat — PM

“Kalau ada perasaan malu kita dengan mudah dapat mengawal nafsu kita.

“Sepatutnya kita didik anak-anak kita supaya malu untuk melakukan perbuatan jahat, buruk dan keji sejak kecil lagi,” katanya.

Tambah Dr. Mahathir, kini perasa-

an sedemikian tidak ketara dalam masyarakat sehingga banyak gejala sosial selepas penyalahgunaan dadah terus berlaku.

“Bahkan mereka yang gagal peperiksaan pun tidak ada rasa malu langsung,” katanya sambil memberitahu, rakyat Jepun adalah contoh masyara-

kat yang masih menebal dengan perasaan itu sehingga sanggup membunuh diri bagi menebus kesalahan yang dilakukan mereka.

Kata Perdana Menteri, ramai juga anggota masyarakat yang gagal untuk menerap pelbagai sifat mulia dalam dirinya sehingga sukar mengecapi pelbagai kejayaan dalam hidup.

Justeru, beliau berharap golongan wanita terutama, generasi muda akan memainkan peranan lebih aktif untuk menerapkan sebanyak mungkin nilai mulia di kalangan abli keluarga mereka supaya rakyat negara ini menjadi kuat dan boleh mencapai kejayaan seperti bangsa-bangsa maju yang lain.